

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]**

**TARIKH** : **18 MEI 2016**

**SOALAN** : **Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah bentuk kerjasama yang dijalinkan dengan OIC bagi menangani isu pelarian etnik Rohingya yang dikatakan berjumlah 60,000 orang di negara ini dan apakah bentuk masalah yang melibatkan golongan pelarian ini.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jerlun di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Malaysia sentiasa mengambil berat terhadap krisis kemanusiaan yang sedang berlaku di seluruh dunia, termasuklah isu pelarian etnik Rohingya. Menerusi platform Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dalam membawa serta membincangkan isu pelarian etnik Rohingya di dalam mesyuarat-mesyuarat pertubuhan tersebut.

3. Misalnya, semasa Sesi Ke-13 Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam yang diadakan di Istanbul, Turki pada 14 dan 15 April 2016 baru-baru ini, negara-negara anggota OIC, termasuklah Malaysia, telah menerima-pakai Kenyataan Akhir (*Final Communique*) yang turut merangkumi isu pelarian etnik Rohingya. Dalam hal ini, OIC menyeru Kerajaan Myanmar yang baru untuk melancarkan proses permuafakatan secara komprehensif yang melibatkan kesemua komponen komuniti Rohingya, termasuklah pelarian etnik Rohingya, bagi menyelesaikan krisis kemanusiaan tersebut.

4. YAB Perdana Menteri dalam kenyataannya semasa Sidang Kemuncak OIC tersebut juga telah menyeru Kerajaan Myanmar yang baru untuk mengambil langkah-langkah yang berkesan dalam menangani masalah dan kesengsaraan yang dialami oleh kaum Rohingya.

5. Di sela-sela Sidang Kemuncak OIC tersebut juga, Kumpulan Perhubungan Menteri-Menteri Luar Negeri OIC mengenai Umat Islam Rohingya di Myanmar, yang turut dianggotai oleh Malaysia, telah mengadakan satu mesyuarat bagi membincangkan perkembangan terbaru mengenai isu ini. Semasa mesyuarat tersebut, Malaysia telah menyuarakan keprihatinannya berhubung situasi etnik Rohingya yang terpaksa berdepan dengan pelbagai krisis kemanusiaan. Sehubungan ini, Malaysia telah melahirkan harapan agar Kerajaan Myanmar yang baru dapat mengambil langkah-langkah berkesan bagi mencari jalan penyelesaian ke atas krisis tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Malaysia juga sentiasa bekerjasama rapat dengan Utusan Khas OIC untuk Myanmar, bagi menjayakan misinya dalam menangani krisis kemanusiaan yang melibatkan etnik Rohingya di Myanmar.

7. Sebagai sebuah negara yang prihatin terhadap krisis kemanusiaan yang membelenggu pelarian etnik Rohingya, Malaysia akan terus membawa isu ini untuk dibincangkan di platform-platform antarabangsa, termasuklah di platform OIC.

Sekian, terima kasih.